

| | | | |
|-------------|---------------------|------------|----------------------|
| Headline | TNB juara berganda | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 29 Feb 2024 | Language | Malay |
| Circulation | 112,705 | Readership | 338,115 |
| Section | Arena | Page No | 45 |
| ArticleSize | 372 cm ² | Journalist | Amiru Fazli Zulkafli |
| PR Value | RM 43,964 | | |



LIGA HOKI MALAYSIA 2024 (TNB MHL)

TNB juara berganda

Oleh Amiru Fazli Zulkafli
sukan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa menunggu 21 tahun untuk kembali muncul juara Liga Hoki Malaysia 2024 (TNB MHL) selepas mengungguli 10 perlawanan tanpa kalah untuk menamatkan saingan di tangga teratas liga, malam kelmarin.

Lebih manis, TNB yang wajib menang dalam perlawanan terakhir nyata berada di dalam kelas tersendiri apabila berpesta jaringan membelah JM Antsbeles,

“Kami sasar apa yang nak, bukan nak gol banyak, hantaran cepat, berlari ke posisi yang betul dan kami nak mereka bermain seperti pemain kebangsaan kerana mereka dari situ,” katanya selepas perlawanan terakhir MHL itu”

22-1 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.

Ia adalah kejuaraan berganda buat skuad kendalian Nor Saiful Zaini Nassiruddin itu selepas mengalahkan Terengganu Hockey Team (THT) menerusi penentuan penalti 3-1 dalam aksi Piala Sumbangsih, awal bulan lalu.

Menurut Nor Saiful, pasukannya turun untuk bermain bersungguh-sungguh dan tidak memikirkan jumlah jaringan kerana

ingin memastikan dapat mengekalkan prestasi cemerlang ke Piala TNB pula selepas ini.

“Kami main hari ini untuk melihat perlawanan seterusnya dan nak pastikan dapat mengekalkan momentum ini ke perlawanan suku akhir, separuh akhir dan akhir (Piala TNB).

“Itu yang kami nak capai.

Yang mana kami sudah capai, kami tak mahu tengok lagi. Kami terus memandang perlawanan penting selepas ini.

“Kami sasar apa yang nak, bukan nak gol banyak, hantaran cepat, berlari ke posisi yang betul dan kami nak mereka bermain seperti pemain kebangsaan kerana mereka dari situ,” katanya selepas perlawanan terakhir MHL itu.

Untuk rekod, TNB pernah muncul juara hatrik bermula tahun 2000 sehingga 2003 sebelum mereka menyepi tanpa piala selepas itu.

Sementara itu, tempat kedua menjadi milik THT sementara Maybank di tempat ketiga selepas kedua-dua pasukan itu bertarung di perlawanan terakhir yang dimenangi THT 4-3.



PEMAIN TNB, Mughni Mohamad Kamal (kanan) bersaing dengan pemain JM Antsbeles, Harjot Singh Gill pada perlawanan Liga Hoki Malaysia 2024 (TNB MHL) di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD